

HUBUNGAN AMALAN PENGGUNAAN CETAKAN PERSEKITARAN OLEH GURU DI TASKA DENGAN PENGECEMAN NAMA KANAK-KANAK BERUMUR EMPAT TAHUN

The Relationship between Kindergarten Teachers' Use of Environmental Print and Four-Year-Old Children's Name Recognition

Nor Syazwanie binti Mohamad Zamal*, Syarinah binti Mad Sehat, Shafawati Atikah binti Shapiee
Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Melaka, Batu 28,
78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia


Email*: norsyazwanie@unimel.edu.my

Received: 10 February 2024; *Accepted:* 23 March 2024; *Published:* 30 April 2024

ABSTRAK

Cetakan persekitaran, atau teks yang terdapat dalam persekitaran kanak-kanak, memainkan peranan penting dalam perkembangan literasi. Walau bagaimanapun, beberapa kajian telah melihat peranan cetakan alam sekitar dalam perkembangan literasi kanak-kanak di luar bilik darjah dan bagaimana ini mungkin membentuk pengalaman kanak-kanak di tempat yang lebih luas. Kajian ini dilakukan untuk (1) mengenalpasti tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska bagi kanak-kanak berumur empat tahun, (2) mengenalpasti tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun dan (3) mengenalpasti hubungan di antara penggunaan cetakan persekitaran oleh guru taska dengan tahap pengecaman nama. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dengan melibatkan seramai 123 orang guru taska menggunakan borang soal selidik melalui aplikasi *Google Form*. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru taska berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min 3.61 dan sisihan piawai 0.77. Dapatan kajian bagi tahap pengecaman nama kanak-kanak berada pada tahap yang sederhana dengan nilai skor min 3.38 dan sisihan piawai 0.83. Manakala nilai pekali kolerasi r antara amalan penggunaan cetak persekitaran di taska dan pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun adalah $r = .599$. Keputusan ini disokong oleh nilai r yang sederhana. Hasil dapatan ini memberi pendedahan kepada guru-guru pendidikan awal kanak-kanak tentang kepentingan penggunaan cetakan persekitaran dalam kalangan kanak-kanak dalam membantu meningkatkan perkembangan kemahiran literasi awal.

Kata kunci: *cetakan persekitaran, pengecaman nama, kemahiran literasi awal, bahasa literasi, taska*



ABSTRACT

Environmental print, or the text found in a child's environment, plays an important role in literacy development. However, few studies have looked at the role of environmental print in children's literacy development outside the classroom and how this might shape children's experiences in wider places. This study was conducted to (1) identify the level of practice of using environmental prints by teachers in nursery for four-year-old children, (2) identify the level of name recognition of four-year-old children and (3) identify the relationship between the use of environmental prints by kindergarten teachers with a level of name recognition. A survey research design was used involving a total of 123 nursery school teachers using a questionnaire through the Google Form application. The findings of the study show that the level of practice of using environment prints by nursery teachers is at a high level with a mean score value of 3.61 and a standard deviation of 0.77. The research findings for the level of children's name recognition are at a moderate level with a mean score of 3.38 and a standard deviation of 0.83. While the value of the correlation coefficient r between the practice of using environmental print in the nursery and four-year-old children's name recognition is $r = .599$. This result is supported by a modest r value. These findings give exposure to early childhood education teachers about the importance of using environmental prints among children to help improve the development of early literacy skills.

Keywords: *environmental print, name recognition, early literacy skills, literacy language, nursery*

PENGENALAN

Pendedahan literasi adalah penting bagi kanak-kanak terutamanya di peringkat awal kanak-kanak lagi. Pemunculan literasi atau *emergent literacy* merupakan kemahiran membaca dan menulis melalui proses perkembangan kanak-kanak sejak lahir melibatkan kemahiran pertuturan, membaca dan menulis (Clay, 1972). Kemahiran literasi awal kanak-kanak pula melibatkan lima komponen utama iaitu bahasa verbal, kesedaran konsep cetakan, pengetahuan abjad, kesedaran fonemik dan peringkat pramenulis (Baldwin, 2020; Bolanle, 2021; Clay, 1966; Teale & Sulzby, 1986). Clay (1972) menjelaskan konsep cetakan merujuk kepada pengetahuan kanak-kanak tentang fungsi cetakan. Konsep-konsep tersebut termasuklah pemahaman membaca buku bermula dari hadapan ke belakang dan cetakan juga merupakan bahasa pertuturan bertulis.

Persekitaran kanak-kanak sememangnya mempengaruhi perkembangan mereka terutamanya perkembangan bahasa kanak-kanak. Namun begitu persekitaran kanak-kanak haruslah bermakna. Sebagai contohnya guru menampal carta huruf dan nombor di dalam kelas. Namun begitu carta-carta tersebut haruslah digunakan, bukan dijadikan perhiasan semata-mata. Hal ini kerana walaupun kelas pembelajaran kanak-kanak dilengkapi dengan pelbagai carta pembelajajaran, jika tidak digunakan oleh guru dengan sebaiknya, carta tersebut tetap kurang memberikan impak terhadap kanak-kanak (Altun et al., 2022; Juppri & Zainiah, 2016; Nurul Aqidah & Zainiah, 2022). Kanak-kanak perlukan penyokong orang dewasa seperti guru dan ibu bapa yang membantu mereka memahami maklumat yang berada di sekeliling mereka (Civil-Acosta, 2021; Hooper et al., 2020; Vygotsky, 1987).

Berikut itu, pengkaji telah menjalankan kajian ini bagi mengetahui jika terdapat hubungan antara amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun. Terdapat tiga persoalan kajian yang dikemukakan bagi menjalankan kajian ini. Berikut merupakan persoalan kajian ini:

- a) Apakah tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska bagi kanak-kanak berumur empat tahun?
- b) Apakah tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun?
- c) Adakah terdapat hubungan diantara penggunaan cetakan persekitaran oleh guru taska dengan tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun?

PERMASALAHAN KAJIAN

Keupayaan membaca dan menulis di peringkat awal kanak-kanak akan menjadi perangsang kepada pembelajaran kanak-kanak di peringkat yang lebih tinggi. Pendedahan awal tentang membaca dan menulis ini merupakan antara kesedaran kepada konsep cetakan yang sangat penting kepada kanak-kanak sebagai persediaan mereka masuk ke alam persekolahan yang lebih formal nanti (Coskun, 2023; Liu et al., 2019; Şenay, 2019). Melihat kepada faktor masalah membaca terutamanya berkaitan kemahiran literasi, pengkaji telah menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyumbang kepada masalah membaca dalam kalangan kanak-kanak, (Juppri & Zainiah, 2016; Zainiah et al., 2021). Hal ini kerana masalah ini perlu dibendung sejak awal lagi untuk mengelakkan pelbagai masalah lain berlaku, (Coskun, 2023; Liu et al., 2019; Nevo et al., 2019). Masalah membaca bukanlah masalah baru yang dialami oleh rakyat Malaysia. Masalah ini dikatakan sebagai bara api yang sentiasa membara dan boleh mengakibatkan keburukan jika tidak dibendung lebih awal (Juppri & Zainiah, 2016; Li & Liew, 2022; Zainiah et al., 2021).

Masalah membaca dan buta huruf bukan lagi dilihat sebagai masalah individu, malah masalah negara. Hal ini kerana impak yang akan diberikan amatlah besar kesannya. Dokumen Keciciran Pendidikan Malaysia (2023) melaporkan seramai 175,304 (13%) orang kanak-kanak tidak mahir membaca pada hujung persekolahan tahun 6, manakala seramai 1.01 juta (5.03%) rakyat Malaysia masih tidak mempunyai kemahiran literasi. Angka ini dilihat amat membimbangkan kerana ia bukanlah berskala kecil. Kajian literasi bahasa banyak dijalankan pada peringkat sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti (Najwa, 2020; Nootens et al., 2019). Kajian ini masih kurang dijalankan di Malaysia dalam kalangan kanak-kanak terutamanya melibatkan kanak-kanak di taska berumur bawah 4 tahun, (Juppri & Zainiah, 2016; Najwa, 2020; Zainiah et al., 2021). Malah dikatakan tiada kajian khusus yang membincangkan tahap perkembangan bahasa awal kanak-kanak secara berperingkat mengikut peringkat umur termasuklah kanak-kanak berumur 4 tahun, (Najwa, 2020).

METODOLOGI

Reka bentuk kajian tinjauan digunakan bagi mengenalpasti hubungan amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengumpulkan data dan disebarkan secara rawak mudah kepada guru-guru taska. Sampel kajian ini melibatkan 123 guru-guru taska yang mendidik kanak-kanak berumur empat tahun. Penggunaan instrumen 'Amalan penggunaan cetakan persekitaran di dalam kelas dan pengecaman nama' dalam kajian ini merupakan adaptasi daripada Nurul Aqidah dan Zainiah (2022). Aplikasi *Google Form*

digunakan dalam menghasilkan borang soal selidik dan disebarkan kepada responden menggunakan link aplikasi *Whatsapp*. Soal selidik menggunakan skala *likert* lima mata untuk mengukur tahap hubungan amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun. Interpretasi skor min adalah merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh Nurul Aqidah dan Zainiah (2022) pada Jadual 1 dan Jadual 2 dirujuk bagi melihat tafsiran nilai pekali korelasi Pearson.

Jadual 1

Tahap Nilai Skor Min

Min Skor	Ukuran Tahap
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Nurul Aqidah & Zainiah, 2022)

Jadual 2

Tafsiran Pekali Korelasi Pearson

Nilai Pekali Korelasi (r)	Interpretasi
0.81 ke atas	Perkaitan yang kuat
0.61 – 0.80	Perkaitan yang sederhana kuat
0.41 – 0.60	Perkaitan yang sederhana
0.21 – 0.40	Perkaitan yang sederhana lemah
Kurang daripada 0.20	Perkaitan yang lemah

Sumber: (McBurney, 2001)

DAPATAN KAJIAN

Tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska

Apakah tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska bagi kanak-kanak berumur empat tahun? Merupakan soalan kajian pertama dihuraikan. Tahap analisis skor min pada Jadual 1 digunakan sebagai panduan. Bagi analisis objektif pertama, pengkaji mengenal pasti tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru taska. Analisis tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru pada item nombor 6, 'saya menggunakan carta/label/tanda-tanda isyarat yang diletakkan di dalam kelas sebagai bahan pendidikan' menunjukkan skor min yang paling tinggi iaitu 3.78. Manakala item nombor 4 'saya meminta kepada kanak-kanak menggunakan tanda-tanda isyarat (contoh: papan tanda senyap, tanda keluar) di dalam kelas semasa masa peralihan' menunjukkan nilai skor min pada tahap

sederhana iaitu 3.33. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska bagi kanak-kanak berumur 4 tahun secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 3.61 dan sisihan piawai 0.77. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan analisis pada Jadual 3.

Jadual 3

Analisis Tahap Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran oleh Guru di dalam Taska bagi Kanak-Kanak berumur Empat Tahun

Bil	Item	Min (SP)	Interpretasi Tahap
1.	Saya meminta kepada kanak-kanak untuk pergi melihat label-label (contoh: kerusi, meja, rak kanak-kanak dan lain-lain.) di dinding kelas.	3.44 (.88)	Tinggi
2.	Saya berbual-bual dengan kanak-kanak tentang tanda-tanda isyarat (contoh: papan tanda senyap, tanda keluar) yang ada di dalam kelas ketika mempunyai masa lapang.	3.59 (1.06)	Tinggi
3.	Saya menunjukkan kepada kanak-kanak (carta kehadiran/carta hadiah/carta haiwan) yang ada di dalam kelas.	3.75 (.98)	Tinggi
4.	Saya meminta kepada kanak-kanak menggunakan tanda-tanda isyarat (contoh: papan tanda senyap, tanda keluar) di dalam kelas semasa masa peralihan.	3.33 (1.04)	Sederhana
5.	Saya melakukan aktiviti spontan menggunakan carta-carta (carta kehadiran/carta hadiah/carta haiwan) yang ada dalam kelas dengan kanak-kanak.	3.77 (.99)	Tinggi
6.	Saya menggunakan carta/label/tanda-tanda isyarat yang diletakkan di dalam kelas sebagai bahan pendidikan.	3.78 (1.03)	Tinggi
Keseluruhan		3.61 (.77)	Tinggi

Nota. SP = Sisihan Piawai

Tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun di taska

Apakah tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun? Hasil analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 3 menunjukkan secara keseluruhannya tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun di taska adalah berada pada tahap yang sederhana dengan nilai skor min 3.38 dan sisihan piawai 0.38. Item yang mempunyai nilai skor min tertinggi adalah item nombor 1 'Kanak-kanak dapat mengecam abjad awalan dalam ejaan nama mereka'

dengan nilai skor min 3.53. Namun begitu terdapat tiga item soalan yang berada pada tahap sederhana iaitu item soalan nombor 3, 4 dan 5. Nilai skor min paling rendah adalah pada item nombor 4 iaitu 'Kanak-kanak dapat mengecam nama mereka pada carta yang terdapat di dalam kelas' dengan nilai skor min 3.22. Dapatan ini dikukuhkan dengan analisis pada Jadual 4.

Jadual 4

Analisis Tahap Pengecaman Nama Kanak-Kanak Berumur Empat Tahun di Taska

Bil	Item	Min (SP)	Interpretasi Tahap
1.	Kanak-kanak dapat mengecam abjad awalan dalam ejaan nama mereka.	3.53 (.96)	Tinggi
2.	Kanak-kanak dapat mengecam 2 hingga 3 abjad (konsonan) dalam ejaan nama mereka.	3.49 (1.03)	Tinggi
3.	Kanak-kanak dapat mengecam kebanyakan abjad (konsonan dan vokal) dalam ejaan nama mereka.	3.40 (.95)	Sederhana
4.	Kanak-kanak dapat mengecam nama mereka pada carta yang terdapat di dalam kelas.	3.22 (1.0)	Sederhana
5.	Kanak-kanak dapat mengeja nama mereka.	3.31 (1.01)	Sederhana
Keseluruhan		3.38 (.83)	Sederhana

Hubungan antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran oleh Guru di dalam Taska dengan Pengecaman Nama Kanak-kanak Berumur Empat Tahun

Adakah terdapat hubungan diantara penggunaan cetakan persekitaran oleh guru taska dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun? Hasil analisis yang ditunjukkan pada Jadual 5 menunjukkan hubungan diantara amalan penggunaan cetakan persekitaran dan pengecaman nama $r = 0.599$ adalah sederhana. Semua korelasi tersebut signifikan pada $p < .01$.

Jadual 5

Analisis Hubungan antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dengan Pengecaman Nama

Pemboleh ubah	Keputusan			
	N	Nilai Sig.	Nilai Pekali Korelasi	Keputusan
Amalan penggunaan cetakan di taska	123	< 0.001	.599*	Ada hubungan yang signifikan dan berhubungan sederhana.

*Signifikan pada aras 0.01

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Tahap Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran di Taska oleh Guru

Tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran di taska oleh guru bagi kanak-kanak berumur empat tahun adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min 3.61. Berdasarkan kepada nilai min tersebut, tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran di taska swasta sekitar Alor Gajah, Melaka adalah berada di tahap yang memuaskan. Namun begitu amalan ini dilihat sedikit berbeza dengan dapatan kajian Nurul Aqidah & Zainiah (2022) yang mendapati tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran ini berada pada tahap yang rendah iaitu dengan purata nilai min 2.27. Penggunaan konsep cetakan dikatakan kurang dilaksanakan di Malaysia, hal ini kerana konsep cetakan ini dikatakan sebagai bahan perhiasan sahaja di dalam kelas dan tidak dimanfaatkan oleh guru taska (Juppri et al., 2022; Nurul Aqidah & Zainiah, 2022; Zainiah et al., 2021). Dapatan ini telah disangkal oleh pengkaji kerana item min tertinggi bagi tahap amalan cetakan persekitaran adalah ‘Saya menggunakan carta/ label/ tanda-tanda isyarat yang diletakkan di dalam kelas sebagai bahan pendidikan’ dengan nilai min 3.78 berada pada tahap tinggi. Keputusan ini menunjukkan guru-guru di taska swasta Melaka memanfaatkan bahan-bahan cetakan yang diletakkan di dalam kelas taska.

Walaupun dapatan kajian pengkaji bagi amalan penggunaan cetakan persekitaran di taska berada pada tahap tinggi, min terendah telah dicatatkan pada item ‘Saya meminta kepada kanak-kanak menggunakan tanda-tanda isyarat (contoh: papan tanda senyap, tanda keluar) di dalam kelas semasa masa peralihan’ dengan nilai min 3.33 berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan guru kurang menggunakan tanda-tanda isyarat yang telah diletakkan di dalam kelas terhadap kanak-kanak. Guru perlu memanfaatkan segala peralatan yang terdapat di taska bagi membantu perkembangan literasi kanak-kanak (Chen et al., 2020; Hooper et al., 2020; Liu et al., 2019). Waktu pembelajaran kanak-kanak juga tidak terhad, guru boleh mengaplikasikan mana-mana sesi pembelajaran dan aktiviti yang dirasakan bersesuaian dengan kanak-kanak termasuklah ketika waktu peralihan (Altun et al., 2022; Hall, 2008; Şenay, 2019). Keadaan ini boleh mengubah persepsi guru taska atau tadika yang berpendapat

pembelajaran kanak-kanak terhad ketika sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan mengikut jadual waktu sahaja.

Tahap Pengecaman Nama Kanak-Kanak Berumur Empat Tahun di Taska

Tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun di taska swasta sekitar Alor Gajah, Melaka berada pada tahap yang sederhana dengan nilai min 3.38. Dapatan ini menunjukkan min yang diperolehi berada pada tahap yang kurang memuaskan. Item 'Kanak-kanak dapat mengecam nama mereka pada carta yang terdapat di dalam kelas' mencatatkan skor min terendah dengan nilai min 3.22 pada tahap sederhana. Hal ini kerana guru taska kurang memberi penekanan tentang nama kanak-kanak yang terdapat pada carta dalam kelas. Kajian Liu, et. al., (2019) menyatakan keupayaan kanak-kanak memproses maklumat visual mempunyai hubung kait dengan pemahaman fungsi cetakan dan perhatian terhadap cetakan. Liu turut menjelaskan segala perkara yang dilihat kanak-kanak akan memberi pengetahuan kepada mereka.

Kajian Marissa (2022) pula mendapati bahan bercetak seperti buku, carta, gambar, simbol dan lain-lain lebih memberikan kesan terhadap pengecaman huruf kanak-kanak. Malah menurut kajian beliau, bahan bercetak ini lebih memberikan impak berbanding bahan bacaan digital terhadap perkembangan literasi awal kanak-kanak. Penguasaan bahasa kanak-kanak lebih baik menggunakan sebarang bahan bercetak yang hampir dengan mereka terutamanya yang berkaitan dengan diri kanak-kanak (Bolanle, 2021; Juppri et al., 2022; Liu et al., 2019; Zainiah et al., 2021). Oleh itu guru taska boleh melakukan aktiviti pengecaman huruf dengan menggunakan nama kanak-kanak pada carta selain dari menggunakan carta huruf sedia ada. Keadaan ini akan membantu kanak-kanak untuk mengecam huruf nama dengan lebih baik.

Hubungan antara amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di dalam taska dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun

Keputusan analisis bagi hubungan amalan penggunaan cetakan persekitaran dan pengecaman nama berada pada tahap sederhana dengan nilai $r = 0.599$. Beberapa kajian lepas membuktikan bahawa penggunaan bahan cetakan terutamanya cetakan persekitaran sememangnya memberi kesan terhadap pengetahuan literasi kanak-kanak (Juppri & Zainiah, 2016; Liu et al., 2019; Mohammad Nurulanuar et al., 2022; Nurul Aqidah & Zainiah, 2022; Şenay, 2019). Penggunaan kaedah ini juga dikatakan mampu mengesan kanak-kanak yang berisiko mengalami masalah kurang upaya membaca pada peringkat awal (Aina' Rasyidah & Hapsah, 2020; Layes et al., 2020). Pendidik awal kanak-kanak terutamanya guru-guru taska dan tadika memainkan peranan yang penting sebagai perangsang perkembangan kanak-kanak terutamanya perkembangan literasi kanak-kanak.

Guru perlu menyediakan pelbagai aktiviti, suasana, persekitaran, bimbingan dan sokongan yang boleh merangsang perkembangan bahasa kanak-kanak, (Mohammad Nurulanuar et al., 2022; Zainiah et al., 2021). Persekitaran pembelajaran kanak-kanak termasuklah penggunaan bahan cetakan terhadap kanak-kanak. Bahan bacaan yang boleh

dilihat, dipegang dan didengar mampu membantu perkembangan bahasa kanak-kanak dengan lebih baik. Vygotsky (1987) menyatakan perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku melalui interaksi kanak-kanak dengan orang sekeliling mereka. Penggunaan bahan dan alatan juga perlu bagi membantu perkembangan bahasa kanak-kanak. Oleh itu pendidik perlu sentiasa kreatif menggunakan bahan-bahan di sekeliling mereka untuk membantu perkembangan bahasa kanak-kanak termasuklah mengaitkan nama-nama kanak-kanak sebagai contoh pembelajaran terdekat dengan mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan bagi meninjau tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska dan pengecaman nama kanak-kanak berumur tiga tahun. Hasil kajian menunjukkan tahap amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska bagi kanak-kanak berumur 4 tahun adalah berada pada tahap yang tinggi, manakala tahap pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun di taska adalah berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan yang signifikan antara amalan penggunaan cetakan persekitaran oleh guru di taska dengan pengecaman nama kanak-kanak berumur empat tahun. Kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada guru dan bakal guru awal kanak-kanak. Malah ibu bapa juga boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan. Hal ini kerana perkembangan bahasa dan literasi kanak-kanak sememangnya dipengaruhi oleh individu di sekeliling mereka termasuklah ibu bapa, guru, ahli keluarga dan rakan-rakan mereka. Guru dan ibu bapa perlu memainkan peranan menggunakan elemen persekitaran bagi membantu perkembangan kanak-kanak. Interaksi yang berlaku antara orang dewasa iaitu guru, ibu bapa dengan kanak-kanak membolehkan kanak-kanak menguasai kosa kata dan maklumat literasi dengan lebih baik.

RUJUKAN

- Aina' Rasyidah, S., & Hapsah, M. Y. (2020). Penggunaan Gajet Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Special Issue)*, 9, 113–126. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4543>
- Altun, D., Tantekin Erden, F., & Hartman, D. K. (2022). Preliterate Young Children's Reading Attitudes: Connections to the Home Literacy Environment and Maternal Factors. *Early Childhood Education Journal*, 50(4), 567–578. <https://doi.org/10.1007/s10643-021-01177-2>
- Baldwin, E. (2020). Dialect Use, Language Abilities, and Emergent Literacy Skills of Prekindergarten Children Who Speak African American English. In *The University of Wisconsin-Milwaukee*. The University of Wisconsin-Milwaukee.
- Bolanle, S. (2021). Relationship Between Home Literacy Environment and Emergent Literacy Skill of Pre-School Children in Ilorin West Local Government Area of Kwara State. *PQDT - Global*, April, 1–106.
- Chen, J., Jiang, H., Justice, L. M., Lin, T. J., Purtell, K. M., & Ansari, A. (2020). Influences of Teacher-Child Relationships and Classroom Social Management on Child-Perceived Peer Social Experiences During Early School Years. *Frontiers in Psychology*, 11(October), 1–12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.586991>
- Civil-Acosta, D. (2021). Pre-Kindergarten and Kindergarten Teacher's Perception of Early Literacy Skills and The Effectiveness on Reading Literacy. In *Saint Peter's University*.
- Clay, M. M. (1966). *Emergent Reading Behaviour* [University of Auckland]. <https://researchspace.auckland.ac.nz/docs/uoa-docs/rights.htm>
- Clay, M. M. (1972). *Reading: The Patterning of Complex Behaviour*. Heinemann Educational.
- Coskun, L. (2023). The examination of the variables affecting the print awareness skills of six-year-old children attending kindergarten. *E-Kafkas Eğitim Araştırmaları Dergisi*, 10(2), 210–224. <https://doi.org/10.30900/kafkasegt.1146672>
- Hall, S. K. (2008). Children's Emergent Literacy and Phonological Awareness: What is the Role of the Home literacy Environment? *Evolution*, 58–61.
- Hooper, S. R., Costa, L. J. C., Green, M. B., Catlett, S. R., Barker, A., Fernandez, E., & Faldowski, R. A. (2020). The Relationship of Teacher Ratings of Executive Functions to Emergent Literacy in Head Start. *Reading and Writing*, 33(4), 963–989. <https://doi.org/10.1007/s11145-019-09992-1>
- Juppri, B., Adibah, A. L., Siti Farhana, M. Y., Nurfarhana, D. M. N., Connie, C. O., Muhamad Suhaimi, T., Nur Suhaidah, S., & Jusiah, I. (2022). Interkorelasi Konstruk Bagi Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *PENDETA*, 13(1). <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.7.2022>
- Juppri, B., & Zainiah, M. I. (2016). The Development of Early Literacy Module for Children's Nurseries. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 5, 30–48. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/855>
- Layes, S., Guendouz, M., Lalonde, R., & Rebai, M. (2020). Combined Phonological Awareness and Print Knowledge Training Improves Reading Accuracy and Comprehension in Children with Reading Disabilities. *International Journal of Disability, Development and Education*, 00(00), 1–15.

- <https://doi.org/10.1080/1034912X.2020.1779914>
- Li, D., & Liew, J. (2022). Parenting Practices and Home Learning Environments that Promote Reading Motivation, Engagement, and Competence in Chinese Immigrant Families: A Cultural and Self-Determination Perspective to Literacy Development in Early Childhood. *Family Literacy Practices in Asian and Latinx Families: Educational and Cultural Considerations*, 119–134. https://doi.org/10.1007/978-3-031-14470-7_8
- Liu, X., Hong, X., Feng, W., Li, X., Wang, X., & Pan, Y. (2019). The Influence of Home Literacy Environment on Print Awareness of Children Aged 2–4 in Urban China. *Research on the Development and Education of 0-3-Year-Old Children in China*, 143–168. https://doi.org/10.1007/978-3-662-59755-2_8
- Marissa, T. (2022). *An Examination of Print Awareness When Using Electronic Printed Books with Preschool-Aged Children*. Eastern Kentucky.
- McBurney, D. H. (2001). *Research Method* (5th ed.). Wadsworth.
- Mohammad Nurulanuar, H., Zainiah, M. I., & Jamilah, M. B. (2022). Penerapan Komponen Kemahiran Literasi Awal dalam Kemahiran Membaca dan Menulis Kanak-kanak Prasekolah Berumur 5 dan 6 tahun. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(1), 50–57. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.1.6.2022>
- Najwa, A. (2020). *Amalan Literasi Ibu Bapa dengan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun Di Taska Putrajaya*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nevo, E., Vaknin-Nusbaum, V., & Gambrell, L. (2019). Reading Motivation in Kindergartners and 1st-Graders. *Journal of Research in Childhood Education*, 33(4), 610–622. <https://doi.org/10.1080/02568543.2019.1647316>
- Nootens, P., Morin, M. F., Alamargot, D., Gonçalves, C., Venet, M., & Labrecque, A. M. (2019). Differences in attitudes toward reading: A survey of pupils in grades 5 to 8. *Frontiers in Psychology*, 9(2773), 1–13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.02773>
- Nurul Aqidah, R., & Zainiah, M. I. (2022). Hubungan Antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dengan Pengecaman Nama dalam Kalangan Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(1), 1–12. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.1.2022>
- Şenay, Ö. A. (2019). The Effect of Interactive Book Reading Activities on Children's Print and Phonemic Awareness Skills. *International Journal of Progressive Education*, 15(1), 88–99. <https://doi.org/10.29329/ijpe.2019.184.6>
- Teale, W. H., & Sulzby, E. (1986). *Emergent Literacy: Writing and Reading. Writing Research: Multidisciplinary Inquiries into the Nature of Writing Series*. Ablex Publishing Corporation.
- Vygotsky, L. S. (1987). *The Collected Works of L.S. Vygotsky: The Fundamentals of Defectology, Volume 2*. Springer Science & Business Media.
- Zainiah, M. I., Mazlina, C. M., Iylia Dayana, S., Juppri, B., & Grace, A. G. P. (2021). Aktiviti Sokongan Bagi Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 27–34.